

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR

KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

# INFO@MAFI

## MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



### MAJLIS PRA - PELANCARAN

Dianjurkan oleh

KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

# MAFI BAKAL ANJUR MAHA 2022

# PRA PELANCARAN MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



Majlis Pra-Pelancaran MAHA 2022 telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI), YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di MAEPS Serdang sini. Bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for the Future”, penetapan tema ini adalah bertepatan dengan tumpuan yang sedang diberikan dalam memperkuatkan agenda sekuriti makanan Negara.

Dalam ucapannya Ronald menyeru agar semua pihak memberikan komitmen penuh kepada penganjuran Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show – MAHA 2022 yang akan diadakan pada 4 hingga 14 Ogos 2022.

“Penganjuran MAHA 2022 pada tahun ini dijangka bakal menarik 1.1 juta pengunjung selain menyasarkan lebih daripada RM250 juta potensi nilai jualan produk pertanian dan agromakanan termasuk pemadanan perniagaan,” jelas beliau.

Penganjuran terakhir MAHA pada tahun 2018 telah berjaya menarik seramai 3.3 juta orang pengunjung dan mencatatkan hasil jualan sebanyak RM215 juta. Pada tahun 2020 pula, program secara dwi-tahunan MAHA ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan pandemik COVID-19 ketika itu. Kini, setelah 4 tahun, MAHA kembali lagi dan akan menjadi salah satu acara tumpuan yang ditunggu-tunggu oleh orang ramai.

Selaras dengan hasrat MAFI untuk menjadikan sektor pertanian dan industri makanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, pelbagai program dan pendekatan baharu telah dirangka sepanjang tahun ini.





## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB MAFI 2022

Majlis Perasmian Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah diadakan pada 30 Jun 2022 bertempat di Dewan Serba guna, MAFI

Terima kasih dan syabas kepada warga MAFI yang sentiasa menyokong kepimpinan MAFI dan kerjasama oleh semua kelab sukan dan kebajikan Jabatan/Agensi di bawah MAFI yang menjadikan Kelab MAFI sebagai wadah penyatuan di atas semangat Keluarga MAFI.

Semangat kebersamaan yang dicapai melalui interaksi yang akrab sesama ahli telah menunjukkan kekuatan melalui kerjasama yang utuh oleh setiap jabatan dan agensi yang mempunyai keunikan fungsi serta kepakaran masing-masing dalam menghadapi pelbagai isu dan cabaran berkaitan MAFI.

Semoga sokongan ini diteruskan untuk menyatukan seluruh anggota Kementerian di bawah satu semangat yang dinamakan sebagai Keluarga MAFI.

Kelab MAFI ditubuhkan pada tahun 1982 bertujuan memupuk semangat kerjasama berpasukan dan mengukuh silaturahim di antara warga MAFI melalui penganjuran program dan aktiviti berbentuk kebajikan, sukan, rekreasi, sosial, ekonomi, pendidikan, kerohanian dan lain-lain.

Penubuhan kelab ini adalah untuk memupuk kesatuan dan semangat kekitaan serta budaya kebersamaan, melahirkan warga yang sihat, cergas dan pintar serta sentiasa bersedia bertindak dalam apa jua situasi bagi menjayakan misi MAFI, selain mencungkil bakat serta menyemai sifat kepimpinan unggul dalam kalangan warga MAFI.

Kelab ini berdaftar secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan bernaung sebagai Kelab Gabungan di bawah Kelab Kebajikan dan Sukan Anggota Perkhidmatan Awam Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur (MAKSWIP).



# PERASMIAN SMART SBB DAN PECAH TANAH KOMPLEKS IADA KOTA BELUD

Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Sabah pada 12 Jun 2022 yang lalu.

Kawasan sawah terbiar seluas 45 hektar di daerah Kota Belud melibatkan 40 orang pesawah akan dibangunkan melalui inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan dijangka meningkatkan pendapatan pesawah melalui kerjasama strategik awam-swasta bersama Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM68.97 juta kepada Sabah bagi tahun 2022 menerusi tiga program subsidi input dan satu program subsidi output. Peruntukan ini dijangka memberi manfaat kepada 45,016 orang pesawah termasuk pesawah padi bukit.

Pada majlis sama, YB Menteri MAFI turut menyempurnakan simbolik majlis pecah tanah bagi pembinaan Kompleks IADA (Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu) yang akan menjadi satu mercu tanda kepada pembangunan industri padi dan beras di negeri Sabah.

Kompleks IADA ini akan menyumbang kepada pembangunan kawasan yang lebih holistik dan cekap. Ia juga bakal menjadi pusat latihan kepada pesawah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan industri padi, bengkel jentera pertanian, makmal analisis pertanian dan lain-lain yang berkaitan.

MAFI dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah sentiasa berusaha untuk membawa pelbagai pembangunan dan kemajuan kepada industri padi dan beras Sabah sekaligus membantu pesawah dalam meningkatkan hasil dan pendapatan melalui program dan pendekatan bagi memastikan bekalan sekuriti makanan terjamin dan mencukupi sepanjang masa.





## PROGRAM BIO-BASED ACCELERATOR (BBA) PERKUKUH AGENDA SEKURITI MAKANAN

MAFI melalui Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) telah melancarkan Program Bio-Based Accelerator (BBA) bagi memperkuuhkan lagi agenda Sekuriti Makanan Negara dengan membantu syarikat baru, perniagaan mikro atau syarikat besar yang berasaskan bio dengan menjadikannya lebih berinovatif melalui penggunaan sains, teknologi dan automasi.

Setakat ini, sebanyak 49 buah syarikat telah mendapat kelulusan status BBA dengan unjuran nilai pelaburan sebanyak RM737 juta yang dapat menyediakan hampir 2,000 peluang pekerjaan dalam tempoh tiga tahun.

Bioeconomy Corporation menyasarkan nilai pelaburan keseluruhan sebanyak RM2 billion menjelang akhir tahun 2025 dengan 70% daripada syarikat-syarikat yang terlibat mengadaptasi teknologi dan automasi di dalam perniagaan mereka.

Bioteknologi merupakan salah satu tumpuan MAFI bagi tempoh 10 tahun akan datang di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Ia bertujuan meningkatkan penggunaan teknologi terutama bioteknologi, selain mempercepatkan pertumbuhan syarikat pemula melalui kerjasama dan program berasaskan bio untuk meningkatkan pelaburan baru, selaras dengan program BBA.

## AGIHAN BANTUAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN (ESHN)

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah turun padang pada 13 Jun lalu bagi menjayakan Majlis Penyerahan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada Persatuan Nelayan Kawasan Beluran, Sabah.

MAFI melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memainkan peranan dalam menjaga kebajikan dan memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan negara.

Maka, pemberian bantuan ESHN berjumlah RM300 diberikan setiap bulan kepada semua nelayan yang berdaftar di bawah persatuan nelayan di setiap kawasan.

Pemberian ESHN merupakan program bantuan dalam bentuk kewangan yang diberikan setiap bulan kepada pemilik vessel/bot perikanan dan pekerja (awak-awak) yang layak.

Nelayan yang layak dipertimbangkan untuk bayaran ESHN adalah nelayan warganegara Malaysia yang mempunyai lesen vessel/bot yang sah, berusia 18 tahun ke atas serta golongan kategori pemilik vessel/bot perikanan Zon A sahaja dan awak - awak Zon A, B, C dan C2.

Dalam majlis itu juga, YB Menteri MAFI turut menyerahkan replika cek bantuan bangunan baharu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran dengan peruntukan sebanyak RM528 ribu.



# PENANG FRUIT, FLOWER AND FOOD FIESTA (FAMA FEST) 2022



Majlis Perasmian Penang Fruit, Flower and Food Fiesta (FAMA Fest) 2022 berlangsung pada 22 hingga 26 Jun bertempat di tapak parkir Pasaraya Lotus Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Penganjuran program ini bertujuan memulih dan merancakkan semula ekonomi disamping membantu menambah luang pasaran kepada usahawan dalam memasarkan produk agromakanan mereka. FAMA menyasarkan seramai 50 ribu orang pengunjung dengan nilai jualan RM500,000 sepanjang lima hari program ini berlangsung.

Komponen yang menjadi tarikan utama adalah laman durian, empayar makanan popular, jualan orkid serta pelbagai aktiviti lain. Selain itu, Durian Musang King yang dijual antara RM30 hingga RM35 sekilogram turut menjadi tumpuan dan juga RM30 bagi setalam buah-buahan tempatan.

Tinjauan terhadap kemajuan projek Pasar Tani Kekal (PTK) Seberang Jaya yang dijangka siap sepenuhnya pada September ini dan akan memberi manfaat kepada 45 orang usahawan dengan jangkaan peningkatan jualan peserta sebanyak 30 peratus.

## OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI KAWASAN TADAHAN EMPANGAN BUKIT MERAH, SEMANGGOL, DAERAH KERIAN

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, telah menyertai taklimat pengoperasian, penerangan dan keselamatan bagi Operasi Pembenihan Awan (OPA) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Operasi itu membabitkan kawasan tadahan Empangan Bukit Merah, Semanggol, Daerah Kerian, Perak melibatkan kawasan sawah seluas 19,058 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian dan 1,267 hektar Kawasan IADA Pulau Pinang.

Operasi tersebut akan memberi manfaat kepada lebih 10,000 orang pesawah di kawasan terlibat. Sektor perikanan, domestik dan pengilangan setempat juga turut mendapat manfaat daripada operasi pembenihan ini.





# FITNESS HUNT CHALLENGE PERKUKUH PASUKAN MAFI



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) dan Kelab MAFI menganjurkan MAFI Squid Game Fitness Hunt Challenge selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Jun di Pulau Bidong, Terengganu.

Program rekreasi julung kali diadakan itu disertai oleh 50 peserta terdiri daripada Exco dan Ahli Kelab MAFI termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Badrul Hisham Mohd, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Habshah Ali dan Setiausaha Bahagian PSM, Noor Azlin Mohammad Shamsudin.




Pengisian menarik dengan pelbagai program sukan rekreasi dapat mengeratkan hubungan sesama peserta seperti aktiviti kerja berpasukan, treasure hunt, water confidence, snorkeling dan discovery scuba. Peserta turut didedahkan dengan pengalaman pelatih berhubung aspek keselamatan aktiviti air.

Program dikendalikan oleh Encik Baharim Mustapa bersama pasukannya di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong sepanjang peserta berada di sana. Pulau ini pernah menjadi saksi kisah kesengsaraan dan penderitaan mangsa perang dan kini dibangunkan sebagai Pusat Penyelidikan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



**KELAB MAFI**

# LENSA MAFI



Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan Sidang Media Khas - Sekuriti Makanan : Pengurangan pergantungan import melalui projek penanaman bawang di Malaysia dan Pencapaian MARDI di pertandingan Inovasi ITEX 2022.



MAFI dan pemain industri mengadakan pertemuan empat mata bagi membincangkan pelbagai isu melibatkan kenaikan harga makanan yang perlu ditangani segera.



Kunjungan hormat Duta Besar Jepun ke Malaysia Tuan Yang Terutama Katsuhiko Takahashi di Wisma Tani, Putrajaya.



Lawatan kerja bersama Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak dan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di tapak projek Pasar Tani (PTK) dan Pusat pemasaran Agromakanan Fama di Kuala Kangsar, Perak.



Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri menghadiri Program Hari Peladang, Penternak & Nelayan Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022 yang berlangsung di Dataran pekan jabi Besut, Terengganu.



Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah memperkenan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu-isu Sekuriti Makanan Negara.



Yang Berhormat Darul Seri Dr. Ronald Kiandee telah mewakili Kerajaan Malaysia ke majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Persekutuan Rusia atas jemputan Tuan Yang Terutama Nailyl Latpov, Duta Besar Persekutuan Rusia.



Kunjungan hormat Tuan Godfrey Kissey, Pengarah Perikanan Perikanan Negeri Sabah dan Tuan Arsani Arsat, Pengurus Gabungan Persatuan Perikanan Nelayan dan Negeri Sabah serta wakil-wakil persatuan perikanan dan pemilik kapal nelayan Sabah.



Program Jualan Terus Dari Ladang Wilayah Selatan di AEON Bandaraya Melaka dari 24 Jun hingga 30 Jun 2022.





KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

4 - 14 OGOS 2022 | MAEPS, SERDANG



- @maha2022\_official
- @ExpoMAHAOfficial
- @expomaha2022
- @expomaha
- <https://mahaexpo.my/>

DENGAN KERJASAMA:



## SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:  
**YBHG. DATO'  
HASLINA BINTI  
ABDUL HAMID**  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:  
**SALMAH BINTI  
RAMLI**

EDITOR:  
**NURIL  
MUTMAINNAH  
ROSLAN**

PENULIS:  
**SARI NOR  
AMRIYAH  
NABILLAH  
ZAMRI**

GRAFIK:  
**SURAIYA  
HANI  
NABILLAH  
ZAMRI**

JURU FOTO:  
**MOHD NAJIB  
BIN ABDUL  
JABAR**

IDEA, KONSEP &  
TERBITAN:  
**UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, MAFI**